

**Sirim Serius Bantu Usahawan IKS Dalam Bidang Kosmetik
Bernama
8 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama)-- Sirim Bhd, melalui Pusat Penyelidikan Industri Bioteknologinya, serius dalam usaha membantu usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) dalam bidang kosmetik melalui hasil penyelidikannya.

Pemangku Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Dr Zainal Abidin Mohd Yusof berkata setakat ini sebanyak 35 syarikat IKS telah menjalin kerjasama dengan Sirim untuk mendapatkan pelbagai khidmat dalam penghasilan produk kecantikan.

Menurut Dr Zainal Abidin lagi, jumlah produk penjagaan kulit berasaskan bahan semula jadi dan teknologi penapaian terus meningkat dan ini termasuklah pengeluaran produk berasaskan hasil laut.

Beliau berkata demikian kepada media selepas pelancaran produk kecantikan RA8, edaran Style Fusion Sdn Bhd di sini Khamis.

Menurut beliau lagi, dijangkakan sebanyak lima produk kecantikan berasaskan bahan semulajadi bakal dikeluarkan oleh Sirim pada tahun ini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650971>